

**AKHBAR : BERITA HARIAN**  
**MUKA SURAT : 7**  
**RUANGAN : EHWAL ANTARABANGSA**

# 60 pegawai perubatan ke Bangladesh

• Hospital medan bakal dibina di kem Cox's Bazar



#tangisanRohingya

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi dan Ahmad Suhail Adnan  
**bhnews@bh.com.my**

■ Kuala Lumpur

**S**ekurang-kurangnya 60 pegawai perubatan Malaysia pelbagai bidang membabitkan doktor, jururawat dan kakitangan lain, akan diantar berkhidmat di hospital medan yang akan dibina di kem pelarian Rohingya di Cox's Bazar, Bangladesh.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr S Subramaniam, berkata ketika ini, semua pegawai perubatan berkenaan sudah bersiap sedia diantar ke negara terbabit pada bila-bila masa.

Katanya, tiada tempoh tertentu ditetapkan bagi pegawai perubatan Malaysia berkhidmat di kem pelarian berkenaan kerana ia bergantung sepenuhnya kepada be-

rapa lama khidmat mereka diperlukan.

“Jika perkhidmatan pegawai perubatan Malaysia diperlukan dalam tempoh agak lama, mungkin kita menghantar mereka secara bergilir-gilir.

#### Laksana persiapan

Kementerian Kesihatan sudah melaksanakan segala persiapan untuk pergi ke sana dengan kerjasama beberapa agensi lain termasuk Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

“Ini bantuan kemanusiaan untuk kumpulan masyarakat di mana-mana lokasi di dunia yang memerlukan berdasarkan kemampuan kita,” katanya pada Majlis Rumah Terbuka Deepavali di Batu Caves, dekat sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai persiapan Kementerian Kesihatan susulan pe-

ngumuman Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, dua hari lalu bahawa hospital medan bernilai RM3.5 juta akan dibina di kem pelarian Rohingya di Bangladesh bagi memberi rawatan kesihatan kepada mereka.

#### Tunggu prosedur Bangladesh

Ahmad Zahid dilaporkan berkata, Malaysia sedang menunggu prosedur ditetapkan Kerajaan Bangladesh walaupun kebenaran sudah diperoleh daripada Perdana Menteri Bangladesh, Sheikh Hasina yang diserahkan menerusi Pesuruhjaya Tinggi Bangladesh di Kuala Lumpur.

Subramaniam berkata, pihaknya belum menetapkan kem pelarian di Cox's Bazar yang akan menjadi lokasi perkhidmatan pegawai perubatan Malaysia kerana sedang menunggu cadangan Kerajaan Bangladesh.



**Semua pegawai perubatan berkenaan sudah bersiap sedia diantar ke negara terbabit”**

**Dr Subramaniam,  
Menteri Kesihatan**

**AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 13  
RUANGAN : EKSEKLUSIF**

# Bahaya kanta lekap kosmetik

**BH PLUS**  
di [www.bharian.com.my](http://www.bharian.com.my)  
untuk lebih gambar dan video

→ Guna produk tanpa saluran betul boleh sebabkan pengguna buta

Oleh Halina Mohd Noor,  
Rashiqah Ilmi Abd Rahim  
dan Mohd Iskandar Ibrahim  
[bhnews@bh.com.my](http://bhnews@bh.com.my)

Putrajaya

L ambakan kanta lekap kosmetik yang dijual berleluasa di negara ini berisiko memudarkan penggunaanya termasuk menyebabkan buta.

Lebih membimbangkan, kebanyak kanta lekap yang boleh diperoleh dengan mudah secara dalam talian atau dijual semurah RM10 di pasar malam tidak difaftarkan dengan Pihak Berkuasa Peranti Perubatan mengikut Akta Peranti Perubatan 2012 (Akta 73).

Antara risiko yang terpaksa ditanggung ialah jangkitan pada mata dan paling berbahaya, hilang deria penglihatan.

**Perlu dapat preskripsi pakar**  
Mengikut Akta Optik 1991, hanya optometris dan juruoptik diperakui dan disahkan Kementerian Kesihatan saja boleh menjual kanta lekap. Iri bermakna, penggunaannya perlu mendapat preskripsi pakar mata yang akan memberi garis panduan penggunaannya.

Penjual kanta lekap yang tidak berlesen boleh dikenakan denda tidak kurang RM1,000 bagi kesalan pertama dan penjara enam bulan bagi kesalahan seterusnya.

Bagaimanapun, kanta lekap kosmetik tanpa kuasa (*power*) tidak dilindungi Akta Peranti Perubatan 2012 (Akta 73) dan Akta Optik 1991, menyebabkan kanta lekap itu mudah didapati daripada penjual tidak sah di pasar malam, bazar, jualan dalam talian dan di kios pusat beli-belah.

Setiausaha Majlis Optik Malaysia (MOM), Nor Azizah Ismail, berkata penggunaan kanta lekap memerlukan pemeriksaan mata yang

komprehensif.

"Kanta lekap tidak sepertutnya dijual kepada pengguna tanpa pemerkasaan mata oleh pakar atau optometris bertauliah kerana kanta lekap sama ada terapeutik (berkuasa) atau kosmetik dibuat daripada bahan sama iaitu menggunakan silikon hidrogel.

"Kedua-dua jenis kanta ini boleh menimbulkan komplikasi yang sama kepada mata pengguna dan berisiko menghidap ulser kornea (radang mata) sehingga boleh menyebabkan pengguna buta jika dipakai tanpa pengawasan pakar," katanya.

Nor Azizah berkata, pihak berkuasa sukar mengambil tindakan terhadap penjual kanta lekap kosmetik kerana produk itu tidak diwartakan sebagai peranti perubatan, selain kurang mendapat aduan orang awam.

Katanya, walaupun setakat ini kanta lekap kosmetik tidak diwartakan sebagai peranti perubatan, MOM memandang serius penjualan produk itu sewenang-wenangnya kerana boleh memudaratkan pengguna.

"Pemakaian kanta lekap ibarat

memakai kasut kerana ia mempunyai saiz tertentu mengikut mata pengguna. Kanta yang ketat akan menyebabkan oksigen tidak sampai ke kornea dan akhirnya mengakibatkan berlaku ulser kornea.

**Warta jadi peranti perubatan**  
"Justeru, kerajaan perlu mewartakan kanta lekap kosmetik sebagai peranti perubatan, sekali gus memudahkan pihak berkuasa memantau penjualan produk itu," katanya.

Ketika ini terdapat dua jenis kanta lekap iaitu *polymethylmethacrylate* (PMMA) yang tebal dan keras serta hidrogel lembut yang direka bagi membolehkan lebih banyak penyerapan oksigen ke dalam mata.

Jenis PMMA digunakan secara meluas ketika kanta lekap baru diperkenalkan suatu masa lalu sebelum jenis hidrogel mengambil tempat.

Material sama digunakan pada kanta lekap kosmetik, namun kualiti dan pewarna digunakan tidak diketahui kerana ia tidak mendapat kelulusan Pentadbiran Makanan dan Dadah (FDA) Amerika Syarikat.



Pemakaian kanta lekap ibarat memakai kasut kerana ia mempunyai saiz tertentu mengikut mata pengguna. Kanta yang ketat akan menyebabkan oksigen tidak sampai ke kornea dan mengakibatkan berlaku ulser kornea"

**Nor Azizah Ismail,**  
Setiausaha Majlis Optik Malaysia

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 13

RUANGAN : NASIONAL

# Tak serik guna produk beracun

NORHASPIDA YATIM

KUALA TERENGGANU - Terdalu obses untuk canuksuhingga mengetepikan faktor keselamatan dan kesihatan.

Itu gambaran yang boleh diberikan terhadap sebilangan masyarakat di negeri ini yang dilihat masih tidak serik menggunakan produk kecantikan mengandungi bahan terlarang.

Pengarah Kesihatan Terengganu, Dr Mohammad Omar berkata, disebabkan terlalu ghairah untuk kelebihan cantik, putih, langsing dan muda, masyarakat dilihat seolah-olah mengetepikan faktor keselamatan dalam pemilihan produk rawatan kecantikan.

Bahkan, katanya, saban tahun lebih RM1 juta rampasan produk mengandungi bahan kimia berbahaya yang tidak mendapat kelulusan Kementerian Kesihatan diperoleh hasil penguatkuasaan yang dijalankan.

"Situasi ini menggambarkan masyarakat seolah-olah sudah tidak mementingkan faktor keselamatan dalam mengambil sebarang produk asalkan hasil yang diperoleh memuaskan walaupun untuk tempoh sementara.

"Mereka juga dilihat ingin mencuba sebarang ubat dan mudah terpedaya tanpa menyelidik kandungan bahan dalam sesuatu produk walaupun testimoni yang dipaparkan bagi mempromosikan produk itu meragukan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Majlis Ikrar Bebas Rasuah (IBR) Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu di Auditorium Kompleks Rawatan Harian Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ), kelmarin.



Mohammed (tengah) mengetui bacaan ikrar sempena Majlis Ikrar Bebas Rasuah (IBR) Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu di Auditorium Kompleks Rawatan Harian Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ), kelmarin.

Rawatan Harian Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) di sini, kelmarin.

Dr Mohammad berkata, kebanyakan produk beracun itu mengandungi hydroquinone, merkuri dan tretinon yang tidak dibenarkan.

Katanya, walaupun pelbagai masalah dialami selepas memakai produk, ia masih mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat di negara ini.

"Kita kerap menerima pesakit yang mengalami masalah kesihatan akibat tersalah makan atau memakai produk yang mengandungi bahan kimia walaupun pada mulanya mereka malu untuk membuat pengakuan tersalah guna produk kecantikan.

"Walaupun begitu, kita juga kecewa kerana masih ada lagi yang tidak serik dan masih membeli pro-

duk-produk yang diragui ini termasuk kaedah suntikan daripada pengusaha salon atau peniaga yang tidak bertaukah untuk mendapatkan kulit putih dan gebu," katanya.

Beliau berkata, setakat ini, pihaknya sentiasa menjalankan kempen kesedaran dan akan menjalankan penguatkuasaan bagi mendampingi kemasukan lebih banyak produk berbahaya di pasaran di negri ini.

Katanya, beliau juga akan mendedahkan daripada masa ke semasa produk-produk kecantikan yang dirampas bagi memberi kesedaran dalam kalangan pengguna.

"Kita akan sentiasa jalankan siasatan dan dalam masa yang sama laksanakan kempen kesedaran bagi memberi maklumat kepada masyarakat mengenai produk-pro-

duk yang tidak mendapat pengiktirafan Kementerian Kesihatan supaya dapat dibendung" katanya.

## BAHAYA PRODUK BERACUN

### INFO

Hydroquinone adalah bahan kimia yang dilarang dalam sebarang sediaan kosmetik dan memberi kesan toksik kepada kulit di antaranya penghitaman, kanser kulit, kering dan kegatalan. Dalam dos yang tinggi ia juga boleh menyebabkan kesesakan nafas dan serangan lelah.

Trithioine biasa digunakan dalam rawatan jerawat. Di antara kesan-sesan sampingan bahan ini ialah terbakar pada kulit, gatal, menggelupas, kekeringan dan kulit menjadi sensitif kepada cahaya ultra-violet.

Merkuri dalam bentuk organik selalunya digunakan sebagai bahan pengawet dalam kosmetik seperti alit mata, pencuci muka dan maskara. Manakala merkuri dalam bentuk bukan organik pula digunakan dalam krim dan sabun pencerah kulit.

Merkuri boleh menyebabkan kerosakan buah pinggang, kerosakan sistem saraf dan boleh mengganggu perkembangan otak bayi dalam kandungan atau bayi yang baru lahir.

Selain daripada kerosakan buah pinggang, merkuri bukan organik dalam produk pencerah kulit juga boleh menyebabkan ruam, penyihuan dan parut pada kulit serta mengurangkan pertahanan kulit untuk melawan jangkitan bakteria dan kulat.

Sumber: [www.moh.gov.my](http://www.moh.gov.my)